

**SPEECH BY GM NORTH WEST MOSQUE CLUSTER
HJ PAIMAN SUPANGAT
AT THE LAUNCH OF NWMC
SATURDAY, 25 JUNE 2011**

Muis President, Hj Mohamed Alami Musa,

Muis Secretary, Hj Abdul Razak Maricar,

Assistant Director of Mosques, Hj Mohd Helmy Mohd Isa,

Chairmen and Mosque Management Board Members in North West Mosque Cluster,

Honoured guests from the big Northwest District family especially Northwest Community Development Council, Family Service Centres and Grassroot Organisations,

Ladies and Gentlemen,

Assalamualaikum wr wb and a very good morning to all;

Let me begin by thanking everyone for joining us here at Woodlands Stadium this morning. Our special thanks to Tuan Hj Mohd Alami Musa, President of the Islamic Religious Council of Singapore, Muis, for his kind presence to witness the official launch of the North West Mosque Cluster. We would also like to express our deep gratitude to Mayor of Northwest CDC, Dr Teo Ho Pin, representatives of FSCs and GROs for their wonderful support in our social bonding programmes. To all our mosque leaders, partners and especially our befrienders, your kind and strong presence this morning give us renewed strength to help and develop members of our community who are in need of help.

2 Allow me to continue my speech in Malay.

3 Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kehadiran dan sokongan padu tuan-puan semua di pagi yang berbahagia ini. Terimakasih kami juga untuk Tuan Hj Mohd Alami Musa, Presiden Muis yang hadir hari ini untuk sama-sama menyaksikan majlis yang penuh bermakna ini iaitu pelancaran Kelompok Masjid Barat Laut. Penghargaan kami juga untuk rakan-rakan dari keluarga besar kawasan kejiranan Barat Laut khususnya Datuk Bandar CDC Barat Laut, Dr Teo Ho Pin, wakil-wakil FSCs dan badan akar umbi di atas sokongan anda semua. Kepada para pemimpin masjid dan sukarelawan termasuk para pendamping, kehadiran anda pagi ini menguatkan lagi semangat kami untuk terus berkhidmat, membantu mereka yang kurang bernasib baik di kalangan kita.

4 Majlis pada hari ini iaitu Hari Masyarakat Kelompok Masjid Barat Laut adalah contoh bagaimana masjid-masjid dapat meraih manfaat dengan bergabung secara berkumpulan. Hasilnya ketara sekali. Beberapa ribu masyarakat Islam dapat sama-sama menikmati berbagai faedah dalam acara besar-besaran ini termasuk ilmu agama, kegiatan gaya hidup sihat dan peluang untuk para belia berinteraksi melalui sukan. Semua ini dapat dicapai berkat penubuhan Kelompok Masjid Barat Laut yang dibentuk oleh 7 masjid iaitu Masjid-Masjid Al Huda, Al-Iman, An Nur, Assyafaah, Darul Makmur, Kampung Holland dan Petempatan Melayu Sembawang. Kelompok Masjid Barat Laut adalah yang ketiga dibentuk Muis selepas Kelompok Masjid Tenggara dan Kelompok Masjid Timur Laut.

5 Biar saya beri sedikit latar belakang mengenai Kelompok Masjid Barat Laut. Berpangkalan di Masjid Al-Iman di Bukit Panjang, ia mula beroperasi secara percubaan pada Disember tahun lalu. Sejak itu, banyak faedah telah diraih menerusi konsep Kelompok Masjid atau Enhanced

Mosque Cluster, EMC ini khususnya dalam soal menyediakan **pendidikan Islam**. Misalnya, dengan sokongan yang diberikan dan kerjasama erat antara masjid dalam kelompok Barat Laut, kini lebih ramai anak-anak kita yang mengikuti kelas agama kerana lebih banyak masjid di kawasan ini yang menyediakan khidmat itu. Dari hanya empat buah masjid yang menawarkan pendidikan agama melalui program pendidikan Islam aLIVE, kini kesemua tujuh buah masjid dalam Kelompok Barat Laut telah dibantu untuk menawarkan program pendidikan Islam aLIVE. Bilangan pelajar turut meningkat kepada lebih 3,000 orang.

6 Kerjasama di kalangan masjid kelompok Barat Laut dalam **menganjurkan kegiatan keagamaan** juga kian bertambah. Ini membolehkan pihak masjid mendekati dan menawarkan khidmat kepada lebih ramai jemaah - misalnya program kesedaran pembelajaran aLIVE, khidmat pembelajaran agama di rumah melalui pengongsian asatizah serta sambutan hari kebesaran Islam.

7 Perkembangan lain termasuk usaha Kelompok Barat Laut untuk mendapatkan masjid-masjid "besar" untuk **membantu masjid-masjid kecil** melaksanakan program pembelajaran Islam dan pembangunan belia secara "buddy system". Misalnya dengan sokongan yang saling diberikan oleh anggota Kelompok Masjid Barat Laut, Masjid-Masjid Al Huda, Masjid Kampong Holland dan Masjid Petempatan Melayu Sembawang yang sebelum ini tidak menyediakan pembelajaran Islam untuk anak-anak, kini sudah mula melaksanakan program pembelajaran Islam aLIVE.

Masjid-Masjid Al-Iman, An Nur dan Assyafaah telah berganding bahu melalui Kelompok Masjid Barat Laut untuk melaksanakan kurikulum

pembelajaran Islam di peringkat dewasa yang baru sebagai projek perintis Muis.

8 Dalam soal **pentadbiran**, masjid-masjid melalui sistem berkelompok ini juga berkongsi kemahiran. Masjid-masjid kecil yang tidak mempunyai kaki tangan sepenuh masa meraih manfaat dengan kehadiran kakitangan sepenuh masa Muis di peringkat masjid-masjid. Masjid-masjid kecil telah dibantu di dalam aspek-aspek pentadbiran sumber daya manusia dan pengurusan kewangan.

9 Namun, manfaat yang paling penting dari konsep EMC ini adalah bagaimana Muis dan masjid-masjid kita boleh mendekati dan membantu golongan yang memerlukan secara lebih menyeluruh dan berkesan.

10 Pada 5 March 2008, Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, dalam ucapannya di Parlimen, menjelaskan bahawa usaha dan inisiatif untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan keluarga kurang bernasib baik harus ditangani secara menyeluruh. Tujuannya ialah untuk menebar luas sumber sedia ada dengan mengurangkan duplikasi, meningkatkan jumlah keluarga yang kita dekati dan memastikan penglibatan kita lebih berkesan. Oleh itu, Muis telah mengambil keputusan untuk membentuk EMC.

11 Di bawah pelan bertindak Kelompok Masjid, masjid-masjid akan memainkan peranan aktif dalam memberi **bantuan sosial** oleh kerana mereka lebih dekat dengan keluarga-keluarga yang memerlukan. Ini bermakna keluarga-keluarga tersebut tidak lagi perlu ke Muis untuk mendapatkan bantuan. Muis akan menyalurkan bantuan dari Dana Zakat melalui masjid-masjid dalam Kelompok Masjid. Ini serupa dengan CDC

apabila mereka mengambil alih skim bantuan dari Kementerian Masyarakat, Belia dan Sukan, MCYS.

12 Dengan sistem Kelompok Masjid, masjid-masjid harus juga bekerjasama dengan agensi-agensi nasional serta masyarakat lain untuk mengadakan program tertentu dan khidmat khusus berdasarkan keperluan setempat. Ini bermakna masjid-masjid akan lebih pantas dalam menghulur bantuan dan dapat menyesuaikan program berdasarkan keperluan penerima bantuan.

13 Beberapa perkembangan positif dapat dilihat dalam bidang **bantuan sosial** sejak Kelompok Barat Laut mula beroperasi. Antaranya ialah:

a) Penubuhan empat pusat khidmat pembangunan sosial untuk mengagih bantuan kewangan dari Dana Zakat Muis dan memperkasa keluarga berpendapatan rendah. Pusat khidmat ini terletak di Masjid-Masjid Al Iman, An Nur, Assyafaah dan Darul Makmur. Mereka yang tinggal di kawasan Barat Laut hanya perlu terus ke 4 masjid ini untuk memohon bantuan. Sehingga kini lebih kurang 391 penerima bantuan yang terdiri dari pesakit ginjal, warga emas, dan golongan berpendapatan rendah telah dibantu oleh Kelompok Masjid Barat Laut. Alhamdulillah, dari sejumlah 391 penerima bantuan, 77 telah berjaya menyelesaikan Program Pengupayaan yang dikendalikan kelompok kami dan tidak lagi memerlukan bantuan. Sementara 52 penerima bantuan masih lagi mengikuti program pengupayaan ini. Bakinya merupakan penerima bantuan jangka panjang seperti pesakit ginjal serta warga tua.

b) Selain itu, penerima bantuan juga telah mengikuti bengkel khas mengenai perancangan kewangan, serta menghadiri kelas-kelas agama untuk memperkukuhkan ilmu agama mereka.

c) Dalam usaha mendampingi penerima bantuan, Kelompok Masjid Barat Laut telah menggembeng tenaga 75 sukarelawan untuk menjadi pendamping. Mereka telah dipadankan dengan keluarga penerima bantuan zakat. Peranan mereka adalah untuk memberi sokongan moral dan bimbingan agar anggota keluarga-keluarga ini tidak merasa sepi untuk meneruskan kehidupan.

d) Jalinan hubungan kerja yang rapat antara Datuk Bandar dan kakitangan CDC Barat Laut juga merupakan satu kelebihan dalam usaha Kelompok Masjid kami mendapatkan sumber dana bantuan nasional untuk mereka yang kurang berkemampuan.

Begitu juga kerjasama dengan badan-badan seperti Yayasan Mendaki, APKIM Resources, Thye Hwa Kwan Moral Society, Care Corner, Daybreak Family Service Centre serta badan akar umbi lain yang membolehkan Kelompok Masjid Barat Laut berfungsi dengan lebih berkesan lagi.

14 Semua ini dapat dicapai kerana semangat kerjasama serta setia kawan para pemimpin masjid, staf, pendamping dan sukarelawan yang mengikat hubungan melalui Kelompok Barat Laut.

15 Akhir sekali, saya memohon doa restu serta sokongan padu dari Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian agar usaha kita untuk menjayakan Kelompok Masjid Barat Laut dipermudahkan Allah SWT. Semoga kemesraan dan jalinan kerjasama antara para pemimpin, sukarelawan dan jemaah bertambah akrab hari demi hari supaya kita sama-sama

dapat memacu lebih banyak kemajuan bagi masyarakat Islam di kawasan Barat Laut khususnya dan masyarakat Singapura amnya di negara ini. Terima kasih.